

TARIKH : 8/5/2023
SURAT KHABAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18

Kosmo! ISNIN 8 MEI 2023

Isteri terharu, arwah mencarum Perkeso

KUALA NERUS - "Faedah pencen arwah suami bagaikan sinar buat saya untuk menampung rawatan penyakit buah pinggang kronik dan kos berulang-alik ke hospital."

Demikian luahan Nur Farahah Shahdan, 32, balu Mohd. Husaini Amir Harun yang maut dalam nahas di Senawang, Negeri Sembilan pada Sabtu lalu.

Nur Farahah berkata, dia tidak dapat membayangkan kehidupannya apabila suami yang menjadi tempat bergantung dan mengadu hilang buat selama-lamanya.

Suri rumah itu berkata, arwah merupakan lelaki yang bertanggungjawab dalam menguruskan segala urusan sejak empat tahun lalu.

"Sebagai pesakit buah pinggang kronik, saya tidak boleh bekerja. Arwah yang melakukan semuanya termasuk berulang-alik ke hospital.

"Saya bersyukur apabila Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sahkan arwah mencarum dan saya layak menerima faedah pencen penakat," katanya ketika ditemui di Kampung Pengkalan Batu di sini se-



KERATAN Kosmo! 6 Mei 2023.

malam.

Terdahulu, Nur Farahah menerima sumbangan faedah pengurusan mayat berjumlah RM2,000 daripada Pengarah Perkeso Terengganu, Fariyah Che Husin.

Sementara itu, Fariyah berkata, bantuan faedah pencen berjumlah RM1,343 akan mula disalurkan kepada Nur Farahah bermula bulan depan.

Jelasnya, Perkeso akan menyiasat bagi menentukan status adik Husaini, arwah Muhammad Amirul sama ada layak menerima faedah sama.

"Jika kemalangan akibat bencana kerja, balu arwah akan terima pencen lebih tinggi dan bapa mangsa juga layak sebagai waris," katanya.



FARIHAH menyerahkan cek pengurusan mayat Perkeso bernilai RM2,000 kepada Nur Farahan di Kampung Pengkalan Batu, Kuala Nerus semalam.